

PENGHURAIAAN SKOP TUGAS PEGAWAI LAIN-LAIN PANGKAT PENGUAT KUASA MARITIM

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Lain-Lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim Gred T1, T2, T3, T4, T5, T6, T7

2. PERINGKAT ORGANISASI

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia peringkat Ibu Pejabat, Wilayah, Daerah, Pangkalan, Pos dan Stesen Udara.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas peringkat sokongan yang melibatkan Zon Maritim Malaysia dari segi menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di bawah undang-undang persekutuan, melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan, mencegah dan menyekat pelakuan kesalahan, memberikan bantuan perkara berkaitan dengan penjenayahan apabila dipohon oleh negara luar, melaksanakan pengawasan udara dan pantai serta menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada agensi yang memerlukan. Di samping itu, tugas yang dilaksanakan di Zon Maritim Malaysia dan lautan lepas ialah mencari dan menyelamatkan, mengawal dan mencegah pencemaran maritim, pencegahan dan penyekatan pelanunan serta pencegahan dan penyekatan pengedaran haram dadah narkotik. Tugas yang dilaksanakan akan diletakkan di bawah perintah dan kawalan am Angkatan Tentera Malaysia semasa darurat, krisis khas atau peperangan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

- 4.1 Menguatkuasa undang-undang dan ketenteraman di bawah Undang-undang Persekutuan di Zon Maritim Malaysia.
- 4.2 Melaksanakan dasar pandu arah dan keselamatan Zon Maritim Malaysia.
- 4.3 Melaksanakan pengurusan logistik dan tindakan operasi.

Melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan maritim, pengawasan udara dan pantai, pengawalan dan pencegahan pencemaran maritim, pencegahan dan penyekatan pelanunan serta pencegahan dan penyekatan pengedaran haram dadah narkotik.

- 4.5 Melaksanakan arahan membantu dalam apa-apa perkara jenayah atas perrniotaan oegara asing sebagaimana diperuntukkan di bawah Aleta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 (Aleta 621).
- 4.6 Membantu pengumpulan maklumat risikan keselamatan serta mencadangkan peningkatan keberkesanan oprasi.
- 4.7 Melaksanakan rondaan dan operasi maritim dan udara di Zon Maritim Malaysia dengan cekap dan berkesan.
- 4.8 Melaksana dan meningkatkan mutu latihan anggota, latihan operasi dan latihan bersama di kawasan maritim negara.
- 4.9 Membantu jalinan hubungan dengan Jabatan/Agensi lain mengenai penguatkuasaan undang-undang di Zon Maritim Malaysia.

5. HUBUNGAN KERJA

- 5.1 Luaran
 - orang awam
 - jabatan/ agensi kerajaan
 - syarikat swasta
 - jabatan/ agensi matitim luar negara
- 5.2 Dalaman
 - rakan sekerja di pejabat/ bahagian/ unit
 - pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

6. PERSEKITARAN KERJA

- 6.1 Dalam dan luar pejabat termasuk di kawasan Zon Maritim Negara.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN

- 7.1 Mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai semua undang-undang persekutuan di Zon Maritim Negara dan undang-undang maritim antarabangsa; dan
- 7.2 Mempunyai kekompetenan dalam ilmu kelautan, perkapalan serta teknologi maklumat dan komunikasi

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- bersih, cekap, amanah
- jujur
- bertanggungjawab
- berani, cekal dan sanggup mengbadapi dugaan
- berminat dan berdedikasi

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- penyelewengan
- terdedah dengan unsur rasuah
- kepentingan diri
- penyeludupan
- penceroboh
- pendatang tanpa izin